

# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN VIDEO PENDEK 'PERAK FOOD HUNTER' NEGERI PERAK 2021

## VIDEO-VIDEO REVIU MAKANAN PERAK MEMPROMOSIKAN KEMBALI INDUSTRI MAKANAN UNIK DAN PELANCONGAN NEGERI PERAK

**IPOH, APRIL 9, 2021** – Kerajaan Negeri Perak melalui Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia (BSKM) bersama-sama Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) telah menganjurkan **'PERAK FOOD HUNTER'**, iaitu satu pertandingan video pendek yang bertemakan makanan-makanan unik di negeri Perak.

Ini merupakan satu usaha Kerajaan Negeri membantu merancakkan semula ekonomi sektor makanan tempatan yang terjejas berikutan penularan pandemik COVID-19.

Selain itu, inisiatif ini juga turut membantu memulihkan industri pelancongan negeri Perak era pasca pandemik COVID-19 dengan menyuntik elemen teknologi digital dan platform media sosial sebagai medium pemasaran.

Pertandingan yang telah bermula pada 8 Januari dan berakhir pada 19 Mac 2021 berjaya menerima sebanyak 173 penyertaan dari seluruh Malaysia.

Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini dijangka disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed, pada malam ini, di Galasa Caldwell selaku penaja tempat dan makanan majlis.

Pertandingan ini mempertandingkan reviu makanan dalam dua kategori, iaitu *Street Food* dan *Café* menawarkan hadiah-hadiah terkumpul bernilai RM25, 000 termasuk wang tunai, iPad, baucar tempat penginapan dan makanan daripada para penaja yang terdiri daripada pihak Pejabat BSKM, Hotel Casuarina@Meru, Tourism Perak, restoran Mikerpizza dan Konda Kondi.

Kategori *Street Food* meliputi makanan daripada warung, pasar malam dan gerai makan manakala hotel, kedai makan serta restoran mewah (fine dining) tergolong dalam kategori *Café*.

Seramai 27 pemenang bakal diumumkan dalam majlis ini termasuk satu Anugerah Khas PKP bagi menghargai para peserta yang telah menyertai pertandingan dengan menghormati prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti pesanan dalam talian dalam norma baharu.

Turut hadir meraikan para pemenang, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Perak, Tn. Hj. Mohd Taip Bin Hj. Ubah, Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Zairulnahr Bin Zakaria, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, Mohd Soufi Bin Mohd Ibrahim, Pengurus Besar, Hotel Casuarina@Meru, Juani Binti Jamalludin serta wakil Komunikasi Strategik Negeri Perak, Muhammad Hafiz Bin Ahmad Hanit.

Melalui pertandingan ini, para peserta dapat mengasah bakat dalam menghasilkan video-video yang menarik dengan mempertandingkan suntingan dan jalan cerita yang kreatif bagi mempamerkan tempat-tempat makan yang menjual makanan-makanan unik di negeri Perak.

Pertandingan ini juga dijangka akan dianjurkan sebagai satu program tahunan bagi negeri Perak.

